KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	5/11/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	TNB			

TNB ambil tindakan segera

UM
05.11.2021
_22

SAUDARA PENGARANG,

LAPORAN *Utusan Malaysia* bertarikh 28 Oktober 2021 bertajuk *Nenek cucu kerap 'tersadung' pancang tiang elektrik* dirujuk.

Semakan kami mendapati tiada rekod aduan rasmi diterima Tenaga Nasional Berhad (TNB) Jerantut untuk pengalihan sesalur umbang tiang elektrik berkenaan, selain tiada aduan dibuat secara bersurat atau menerusi panggilan di talian TNB CareLine.

Semakan kami juga mendapati pemasangan TNB itu mungkin pada asalnya di tanah kosong tanpa kediaman berhampiran.

Berikutan laporan *Utusan Malaysia*, tindakan telah diambil pada 28 Oktober lalu untuk mengalih sesalur umbang tiang elektrik tersebut.

Orang ramai dinasihatkan menghubungi TNB sekiranya ternampak kejanggalan berkaitan pemasangan TNB di talian TNB CareLine 15454 atau Facebook TNB CareLine.

DATUK BADERUL SHAM SAAD
Pengurus Besar Negeri, TNB